

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M/S 4 LOKAL 1/3/2025 (SABTU)



“Namun pada 20 Februari lalu, saya terlihat kenyataan KKM berkaitan produk jenama Molly Care ini mengandungi merkuri. ketika itu saya sudah menggunakan produk berkenaan sejak 2021”

Poh

IMEJ janaan AI.

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

PRODUK PEMUTIH KULIT BERACUN

Kulit ‘hangus’ duit pun lebur

“Saya belanjakan RM2,250 untuk beli lima set produk itu dan ketika menggunakannya wajah memang cantik dan tiada apa-apa masalah”

Loke

RM450 bagi 30 gram.

Menurutnya, pihak yang menjual produk itu memaklumkan ia selamat digunakan termasuk kepada mereka yang mengandung.

“Namun pada 20 Februari lalu, saya terlihat kenyataan KKM berkaitan produk jenama Molly Care ini mengandungi merkuri. ketika itu saya sudah menggunakan produk berkenaan sejak 2021.

“Saya terus berhenti gunakan produk itu namun ia menyebabkan kulit berasa

seperti terbakar dan kemerahan sehingga terpaksa mendapatkan rawatan bagi menyembuhkan kulit yang rosak,” katanya pada sidang media di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA di sini, semalam.

Dia sudah membelanjakan wang RM14,260 bagi membeli produk itu dan ingin menuntut keadilan selepas diperdaya penjual terbabit.

Sementara itu, seorang lagi mangsa, dikenali Loke, 27, berkata, dia menggunakan produk itu sejak 2021 selepas tertarik iklan produk itu mampu membolehkan kulit lebih putih.

“Saya belanjakan RM2,250 untuk beli lima set produk itu dan ketika menggunakannya wajah memang cantik dan tiada apa-apa masalah.

“Namun sebaik berhenti memakainya, wajah saya kemerahan namun apabila menggunakan semula, ku-

lit kembali putih,” katanya.

Menurut Loke, dia turut menggunakan produk itu ketika mengandung pada 2023 namun sebaik anaknya lahir pada Jun tahun lalu, anaknya mengalami masalah kulit dipercayai akibat penggunaan produk itu.

Sementara itu Ketua Jabatan Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA Datuk Seri Michael Chong pula berkata, pihaknya menerima 40 kes di mana semua mangsa sudah membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

“Seramai 14 mangsa pernah mengalami keguguran ketika menggunakan produk terbabit malah ada beberapa bayi turut mengalami masalah kulit selepas dilahirkan.

“Mereka ini menderita kulit terbakar, bengkak di badan akibat pengambilan produk ini selepas terpedaya kononnya ia selamat dan menggunakan bahan semulajadi,” katanya.

Kuala Lumpur

O bses serta kemaruk mahukan kulit putih dan mulus menyebabkan 40 wanita menderita kulit terbakar serta kemerahan akibat menggunakan kosmetik beracun.

Malah, lebih menyedihkan mereka yang mengandung ketika menggunakan produk itu turut keguguran, malah ada bayi selamat dilahirkan mengalami masalah kulit dipercayai kesan produk itu.

Kira-kira 14 kes keguguran berlaku daripada 40 pengguna produk itu dipercayai akibat kesan produk kosmetik mengandungi kimia merkuri.

Mereka hanya mengetahui produk komestik Molly Care itu mengandungi merkuri selepas Kementerian Kesihatan (KKM) membatalkan notifikasi lima produk kosmetik berkenaan selepas dikesan mengandungi racun berjadual dan tidak lagi dibenar dijual di Malaysia.

Mangsa dikenali sebagai Poh, 30, berkata, dia mengetahui produk itu melalui media sosial Instagram (IG) dan dijual pada harga

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

BH m/s 3 NASIONAL 1/3/2025 (SABTU)

Restoran PRESMA kurangkan harga 30 sen minuman tanpa gula

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak rakyat untuk mengamalkan pengamalan minuman kurang atau tanpa gula di 12,000 rangkaian restoran Persewaan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) untuk mereka menikmati pengurangan harga 30 sen setiap cawan.

Perdana Menteri berkata, tawaran dan inisiatif itu bukan

hanya menjimatkan pengguna, tetapi juga membudayakan amalan hidup sihat, tanpa perlu mengambil gula berlebihan.

"Kurang 30 sen, kurang gula harga turun. Sekarang ini ada gula, tiada gula, kadang-kadang harga sama, jadi dia bezakan.

"Jadi kita kempen (untuk ambil minuman) kurang gula," katanya ditemui media pada Majlis Peletakan Logo Malaysia

MADANI di rangkaian Restoran Nasi Kandar Putrajaya (Singgah MADANI), di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden PRESMA, Datuk Jawahir Ali Taib Khan, berkata pendekatan ini sudah dilaksana di seluruh rangkaian restorannya sebelum ini dan ternyata mendapat sambutan baik pengguna.

Justeru, Jawahir mengajak ra-

kyat untuk mengunjungi semua rangkaian restoran nasi kandar yang memaparkan logo Singgah MADANI bagi menikmati tawaran pengurangan harga itu.

"Kita sahut seruan kerajaan dan kami seboleh mungkin menyediakan makanan yang enak dengan harga berpatutan.

"Kalau ikut kenaikan harga, memang berlaku tetapi itu tak boleh dijadikan alasan untuk

naikkan harga sewenang-wenangnya. Saya ada 12,500 ahli di seluruh negara dan Alhamdulillah semua menyahut seruan ini," katanya.

Dalam pada itu, Jawahir Ali menyatakan Perdana Menteri turut bersetuju dengan permohonan PRESMA supaya pelaksanaan skim penggantian pekeraja asing dalam sektor restoran diteruskan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S 7 NATION 1/3/2025 (SABTU)

Over 40 claim RM450 cream a health hazard

By TRACY GUNAPALAN
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: More than 40 women from across Malaysia are claiming they suffered from adverse side effects after using a skincare product sold on social media.

The product is a night cream which retails at RM450 for a 30g jar, with one buyer admitting to spending a total of RM14,260 on these products.

"My skin went through good and bad periods," said a 33-year-old housewife who only wanted to be known as Ng, at a press conference organised by MCA's Public Services and Complaints Bureau chief Datuk Seri Michael Chong here yesterday.

Ng and several other women at the press conference said they experienced redness, sensitivity and bumps where the product was applied. Others reported severe skin lesions that required medical consultations.

Some claimed that the product affected their pregnancies.

A woman known only as Loke, 27, who began using the product in 2021 and continued its usage throughout her pregnancy, claimed that this could be the reason why her baby suffers skin issues.

"I didn't have this issue with my

first child so I suspect it has something to do with this product," she said.

Loke was one of 14 women in the group who reported complications with their babies following the use of the product.

Ng, 37, who started using the product in 2022, said she reached out to the seller before purchasing to ask if it was safe to be used during pregnancy.

"She said the product was 100% natural and safe to use while pregnant," said Ng, who believed that the loss of her pregnancy at the 38th week was linked to the use of the product.

On his part, Chong asserted that there is currently no official evidence that guarantees the product is harmless to the foetus, and that further medical reports and lab results are pending.

"We are now awaiting medical reports on cases where miscarriages are believed to have occurred," he said, adding that this is not the first time such allegedly cosmetics-involved incidents occurred.

He said the Health Ministry has been informed although it has yet to follow up with enforcement.

"We don't want to victimise or accuse anyone, but we believe that the victims have a right to justice," he said.

A statement from the Health